

INDEKS

MATA WANG
AS\$/RM
4.6728/4.6715



MINYAK
• WTI
AS\$75.75 /RM354.46
• BRENT
AS\$80.84 /RM378.27



EMAS 999 (1 GRAM)
RM336.63
SAWIT (TAN METRIK)
RM3,739.00



GETAH
SMR CV (SEN/KG)
930.00
SMR L 920.00
SMR 5 692.00

Ekonomi

Untung TH Plantations meningkat 20 peratus

PETALING JAYA: TH Plantations Berhad (THP) melaporkan peningkatan 20 peratus keuntungan sebelum cukai (PBT) kepada RM28.6 juta bagi tempoh berakhir 30 September 2023, daripada RM23.9 juta suku sama tahun sebelumnya.

Keuntungan selepas cukai dan faedah minoriti (PATAMI) THP meningkat sebanyak 22 peratus kepada RM17.6 juta daripada RM14.4 juta suku sama tahun lepas.

Menurut syarikat perludangan milik Lembaga Tabung Haji itu, pendapatan bagi suku ketiga meningkat kepada RM216.6 juta daripada RM213.3 juta tempoh sama tahun lalu disokong oleh volum jualan Buah Tandan Segara (BTS) yang lebih tinggi walaupun purata harga realisasi produk sawit dan pengeluaran sawit rendah sedikit.

Pendapatan yang lebih baik pada suku ketiga juga disumbangkan oleh nilai saksama yang lebih tinggi bagi aset biologi berbanding tempoh sama tahun lepas.

Ketua Pegawai Eksekutif THP, Mohamed Zainurin Mohamed Zain berkata, prestasi Kumpulan akan terus didorong



TH PLANTATIONS BERHAD



**MOHAMED ZAINURIN
MOHAMED ZAIN**

oleh pengeluaran BTS dan pergerakan harga minyak boleh dimakan global.

Katanya, pengeluaran kese-

luruhan BTS dan MSM syarikat dijangka akan meningkat pada suku keempat 2023.

“Kami akan terus mengambil semua langkah yang perlu untuk menambah baik asas-asas Kumpulan termasuk mengoptimalkan inisiatif pengilangan, penyatuhan, penjenteraan dan inisiatif transformasi di semua ladang dan kilang untuk mengukuhkan kecekapan keseluruhan dan pengurusan kos,” katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, margin produk minyak sawit dijangka kekal stabil pada paras semasa sehingga akhir tahun, berikutan penggunaan tempatan yang kukuh di Malaysia dan Indonesia, serta kebimbangan cuaca kering di Brazil dan Indonesia, walaupun permintaan yang kurang memberangsangkan dan stok yang lebih tinggi di Malaysia.

“Tanpa sebarang keadaan yang tidak dijangka, Kumpulan menjangkakan prestasi kewangan yang memuaskan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023 dan optimis bahawa strategi dan inisiatif semasa mampu mengelakkan isu dan cabaran yang berterusan serta mengekalkan kos efektif,” jelasnya.



MUSTAPA Mohamed turut menghadiri majlis menyampaikan anugerah FFSA 2023 kepada PTP di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

PTP menang anugerah FFSA

PETALING JAYA: Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) memenangi anugerah *UN Global Compact Network Malaysia & Brunei (UNGCMYB) Forward Faster Sustainability Awards (FFSA) 2023* yang diadakan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

PTP memenangi anugerah utama bagi kategori *The Forward Faster Sustainability Award - Gender Equality*.

Pengendali pelabuhan itu juga mendapat pengiktirafan bagi kategori: *Partnership for the Goals Recognition* dan *Pioneer Sustainable Development Action Recognition*.

Majlis penyampaian anugerah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib. Turut hadir, Datuk Seri Mustapa Mo-

hamed, Felo di UN Sustainable Solutions Network di Sunway University dan Dr. Tunku Aliana Alia, Panel Penasihat Kebangsaan UNGCMYB.

Pengerusi PTP, Tan Sri Che Khalib Mohamad Noh berkata, PTP berbangga di atas pengiktirafan itu hasil komitmennya terhadap perjalanan kemampanan.

Beliau berkata, sebagai terminal pemindahan penghantar antarabangsa di Malaysia dan antara pelabuhan tersibuk di dunia, PTP berbangga dalam jejak kemampanan.

“Kemampanan adalah teras kepada perniagaan kami, dan kami komited untuk mencari cara yang inovatif untuk memperkasakan agenda,” katanya dalam kenyataan.

AI tampung kekurangan tenaga pakar keselamatan siber



FAHMI Fadzil merasmikan PNB Planet Cyber disaksikan Pengerusi Kumpulan PNB, Raja Tan Sri Arshad Raja Uda (kiri) dan Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan, Ahmad Zulqarnain Onn di Kuala Lumpur. — UTUSAN/M FIRDAUS M JOHARI

KUALA LUMPUR: Teknologi kecerdasan buatan (AI) boleh dimanfaatkan sebagai penyelesaian bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pakar dalam keselamatan siber di negara ini.

Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil berkata, negara memerlukan sekitar 27,000 tenaga pakar dalam keselamatan siber berbanding 15,000 tenaga pakar yang tersedia ketika ini.

“Oleh itu, kita kekurangan 12,000 lagi, saya percaya dengan usaha termasuk penubuhan Pusat Kecemerlangan Keselamatan Siber oleh Blackberry yang akan dibuat pada suku pertama tahun depan dapat membantu meningkatkan jumlah pakar dalam keselamatan siber.

“Pada masa sama, ada beberapa kaedah termasuk aplikasi

yang menggunakan AI. Di PNB Planet Siber ini ada ditonjolkan syarikat yang menggunakan AI untuk membantu aspek firewall.

“Namun secara asasnya kita masih memerlukan tenaga pakar, contohnya organisasi perlu mewujudkan jawatan yang dikenali sebagai CISO (Ketua Pegawai Keselamatan Maklumat) dan ini penting untuk mengendali dan menyejaras aspek keselamatan siber dalam organisasi,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program PNB Planet Cyber 2023 anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) di sini, semalam.

Sementara itu, Ahmad Fahmi dalam ucaptamanya berkata, penipuan siber boleh terjadi ke-

pada mana-mana individu.

“Satu ketika, Tan Sri Wan Junaidi (Speaker Dewan Negara) menceritakan kepada saya beliau mendapat mesej daripada Datuk Seri Tengku Zafrul (Menteri Pelabuhan, Perdagangan dan Industri), beliau cakap boleh tak pinjam duit. Saya tak cukup RM3,000.

“Apa yang dibuat dia hubungi Tengku Zafrul dan beliau berkata tidak, seseorang menggunakan identiti saya. Ini menunjukkan menteri dan marhaen, semua perlu berhati-hati,” ujarnya.

PNB Planet Cyber 2023 diadakan buat julung kalinya sebagai sebahagian daripada inisiatif Kumpulan untuk memupuk kerjasama antara industri, dalam mengelakkan isu-isu keselamatan siber.